

11/07/2002

Pelaksanaan 4 peringkat (HL)

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Rabu - Pengajaran subjek Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris mungkin dimulakan di Tahun Satu sekolah rendah, Tingkatan Satu dan Enam Rendah di sekolah menengah serta program Matrikulasi saja, bukan untuk semua peringkat seperti dicadangkan sebelum ini.

Jawatankuasa yang dibentuk mengkaji cadangan itu dijangka mengemukakan cadangan berkenaan dalam mesyuarat khas Kabinet pada 16 Julai ini, manakala keputusan mengenainya bakal diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Julai.

Sumber-sumber memberitahu Berita Harian, saranan itu dibuat selepas mengambil kira masalah serta kekangan yang dihadapi jika pengajaran Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris dilaksanakan pada semua peringkat persekolahan seperti cadangan awal.

"Masalah itu termasuk kesinambungan pengajaran dan pembelajaran jika dilaksanakan untuk pelajar lain," katanya.

Difahamkan cadangan itu diperoleh hasil mesyuarat jawatankuasa yang dipengerusikan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat dengan wakil kesatuan dan persatuan guru, awal bulan ini.

Perjumpaan itu juga dikatakan turut dihadiri semua pengarah bahagian di Kementerian Pendidikan.

Sebelum itu, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin dikatakan mencadangkan jawatankuasa berkenaan mengadakan perjumpaan bagi mengambil kira pandangan guru.

Selain mahu memastikan cadangan kerajaan itu benar-benar mendapat sokongan guru, beliau juga dikatakan mahu keputusan mengenai pelaksanaannya dibuat berdasarkan pandangan profesional mereka.

Sehubungan itu, beliau meminta perkara ini dibincangkan dengan kesatuan dan persatuan guru kerana mereka yang akan melaksanakannya serta boleh memberi pandangan profesional.

Pada peringkat awal, cadangan jawatankuasa itu turut meliputi pelajar Tahun Empat di sekolah rendah dan Tingkatan Empat di sekolah menengah.

Bagaimanapun, kesatuan membangkitkan kebimbangan kemungkinan pelajar menghadapi masalah mengikuti pembelajaran serta peperiksaan memandangkan mereka sudah mengikuti pembelajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu sebelum ini.

Wakil kesatuan dan persatuan guru juga dikatakan tiada sebarang bantahan terhadap hasrat melaksanakan pendekatan yang sama di Tingkatan Enam Rendah dan program Matrikulasi.

"Pada tahap ini pelajar sudah sepatutnya menguasai bahasa Inggeris. Tambahan pula, apabila mereka memasuki universiti, kebanyakan bahan rujukan juga dalam bahasa Inggeris.

"Sebab itu wakil kesatuan dan persatuan guru dikatakan tidak membantah untuk melaksanakan cadangan itu di Tingkatan Enam Rendah dan program Matrikulasi," katanya.

Selain itu, Kementerian Pendidikan juga dikatakan memberi jaminan buku teks Sains dan Matematik untuk kegunaan murid Tahun Satu tahun depan sudah siap serta dicetak bulan ini.

Buku teks untuk kegunaan pelajar Tingkatan Satu pula dikatakan dalam peringkat semakan dan dijamin dapat dicetak sebelum menjelang Januari tahun depan.

Sementara itu, pengambilan guru untuk tujuan pengajaran Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris juga dikatakan sudah dibuat oleh

Kementerian Pendidikan.

Pada 10 Mei lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan Majlis Tertinggi (MT) Umno menolak cadangan supaya diwujudkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris kerana tindakan itu tidak secocok dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Sebaliknya, bahasa itu akan diperluaskan di sekolah menerusi penggunaannya dalam pengajaran Sains dan Matematik mulai Tahun Satu selain memperkenalkan subjek kesusasteraan Inggeris kontemporari.

Perdana Menteri berkata, cadangan itu dibuat kerana kerajaan menyedari kepentingan penguasaan ilmu dalam bahasa Inggeris di kalangan rakyat tempatan, khususnya Bumiputera kerana ia adalah bahasa antarabangsa yang digunakan secara meluas.

Pengumuman itu menimbulkan pelbagai reaksi daripada orang ramai, terutama selepas pengumuman dibuat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah untuk murid Tahun Enam, Penilaian Menengah Rendah untuk pelajar Tingkatan Tiga serta Sijil Pelajaran Malaysia bagi pelajar Tingkatan Lima mulai tahun depan juga akan dibuat dalam bahasa Inggeris.